



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

Disediakan Oleh:

*Guru Akram, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
dengan pembiayaan Kerajaan Negeri Terengganu*

UJIAN PERCUBAAN UPSR 2009

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**OGOS**

50 minit

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan.*
2. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
3. *Bagi setiap soalan, hitamkan satu ruangan sahaja.*
4. *Jika kamu hendak merukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

Dicetak Oleh:

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652 8601 Faks: 609-666 0611/0603*

Arahan Am: Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.

Soalan 1 – 19

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan **jawapan** yang **paling sesuai**.

- 1 “Eh, Kamalia dan Junita rupa-rupanya! Bila _____ balik?” tanya Puan Mariah.
 - A kita
 - B awak
 - C kalian
 - D kamu

- 2 Titah sultan kepada pembesar negeri, _____ mahu rakyat negara ini hidup dalam keadaan aman damai”.
 - A Tuanku
 - B Beta
 - C Patik
 - D Baginda

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Kakak _____ baju sekolah yang dibasuhnya sebelum menjemur di ampai.
 - A merendam
 - B membilas
 - C mencelup
 - D memerah

- 4 Ayah dan ibu _____ membawa kami bercuti ke Pulau Redang pada cuti sekolah nanti.
- A berhasrat
B bertujuan
C berkehendak
D berkemampuan
- 5 Jamri segera meminta pertolongan apabila temampak kawannya yang _____ hampir lemas dibawa arus sungai.
- A terlambai-lambai
B terapung-apung
C terkinja-kinja
D terkapai-kapai

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Liana sungguh terkejut menerima keputusan peperiksaannya. _____, dia sedaya upaya bertenang dan berjanji akan tekun belajar.
- A Lebih-lebih lagi
B Di samping itu
C Namun demikian
D Tambahan pula

7 Nenek itu mencari _____ daripada akar dan pucuk kayu di pinggir hutan untuk mengubatkan penyakit cucunya.

- A pemanis
- B penawar
- C pengawet
- D pelali

8 Sekawan burung pipit itu terbang _____ hinggap di julai pokok mengkudu.

- A sambil
- B kerana
- C apabila
- D lalu

Soalan 9 berdasarkan gambar



9 Pada masa lapang, Ziana membantu ibunya _____ pakaian adik-adiknya.

- A menggosok
- B membungkus
- C menyusun
- D melipat


10 Puan Halina memetik beberapa _____ bunga mawar di taman bunga.

- A tangkai
- B jambak
- C tandan
- D sisir

11 Pengurus dan kakitangan di syarikat itu sentiasa bekerja _____ kerana banyak tugas yang perlu disiapkan.

- A larut malam
- B masa lapang
- C kurang masa
- D lebih masa

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.




12 Encik Tajuddin bangkit _____ tidur sambil menggeliatkan badannya.

- A daripada
- B kepada
- C dari
- D pada

- 13 Kursus cara-cara pemberitaan akhbar dapat melahirkan _____ yang berjaya.
- A usahawan
 - B sukarelawan
 - C karyawan
 - D wartawan

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.



- 14 Budak-budak itu sangat gembira _____ layang-layang mereka di padang.
- A menaiki
 - B menaikkan
 - C kenaikan
 - D naikkan
- 15 "Maafkan saya, suara saya _____ kerana banyak mengadakan persembahan," kata penyanyi itu kepada pemberita.
- A nyaring
 - B merdu
 - C parau
 - D lantang

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



- 16 Puan Kamariah _____ anak perempuan kesayangannya.
- A melambung
 - B menggalas
 - C menimang
 - D mengelek
- 17 Hujan lebat tidak berhenti-henti menyebabkan _____ kampung di tepi sungai itu ditenggelami air.
- A segala
 - B seluruh
 - C setiap
 - D sekalian
- 18 Zailan dan adiknya _____ untuk mengetahui perbincangan antara ayah dengan ibu mereka tentang rancangan percutian ke Pulau Perhentian.
- A mengambil berat
 - B memasang telinga
 - C memerah keringat
 - D mengambil angin

Soalan 19 berdasarkan gambar di bawah.



19 “Kalian perlu banyak membaca buku untuk menambahkan pengetahuan. Janganlah nanti dikata orang _____,” nasihat Encik Burhan kepada anak-anaknya.

- A seperti katak di bawah tempurung
- B seperti rusa masuk kampung
- C seperti kera mendapat bunga
- D seperti murai tercabut ekor

20 Hilmi dan Salmi sangat gembira kerana pertama kali dapat mandi di sumur dekat kampung nenek mereka.

Perkataan seerti bagi sumur ialah

- A perigi
- B sungai
- C tali air
- D kolam

21 Orang zaman dahulu menggunakan buluh runcing untuk berburu binatang.

Perkataan berlawan bagi runcing ialah

- A tajam
- B sumbing
- C tumpul
- D sompek

Soalan 22 – 23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 22 I Dahi Encik Rosman berkedut setelah mendengar penjelasan daripada polis.
II Rambut gadis yang cantik itu berkedut apabila ditiup angin.
III Pakaian kakak berkedut kerana belum bergosok.
IV Adik berkedut kerana banyak minum susu.

- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 23 I Najwa bersiar-siar di tepi pantai sambil bermain-main di gigi air.
II Gigi tangga kayu rumah itu telah reput dimakan anai-anai.
III Pak Junid mengasah gigi gergaji menggunakan kikir.
IV Datuk dan nenek telah memakai gigi palsu.

- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 24 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*

Mengapakah awak berjalan berjengket-jengket?

- A Saya tidak nampak paku berkarat di tepi jalan.
B Saya terpijak kaca di belakang rumah.
C Saya berjoging dengan kawan setiap pagi.
D Saya tidak mengubati kedua-dua belah kaki.

25 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Penduduk kampung itu sedang membersihkan kawasan taman permainan.

- A Bagaimanakah penduduk kampung itu membersihkan kawasan tersebut?
- B Siapakah yang berada di kawasan taman permainan itu?
- C Di manakah penduduk kampung itu membersihkan?
- D Apakah yang dibuat oleh penduduk kampung itu?

Soalan 26 – 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

- 26 Guru besar melarang murid-muridnya membeli makanan dan minuman di luar kawasan sekolah .
- A “Kita tidak dibenarkan membeli makanan dan minuman di luar kawasan sekolah,” kata guru besar kepada murid-muridnya.
 - B “Kamu tidak dibenarkan membeli makanan dan minuman di luar kawasan sekolah,” kata guru besar kepada murid-muridnya.
 - C “Jangan membeli makanan dan minuman di luar kawasan sekolah,” kata murid-murid kepada guru besar.
 - D “Semua guru dan murid tidak dilarang membeli makanan dan minuman di luar kawasan sekolah,” kata guru besar.
- 27 “Kamu mestilah pergi dengan segera membantu ayah di kebun,” kata Mak Limah kepada Sazali.
- A Mak Limah mengarahkan anaknya supaya pergi dengan segera menolong ayahnya di kebun.
 - B Mak Limah segera menyuruh Sazali pergi membantu ayahnya di kebun.
 - C Mak Limah segera membantu ayah Sazali di kebun.
 - D Mak Limah meminta ayah Sazali pergi segera membantunya di kebun.

Soalan 29 – 30

Pilih ayat yang betul.

- 28 **A** Beberapa orang pramugari sedang memperagakan pakaian rekaan terbaru.
 B Hadiah utama pertandingan memancing itu adalah sebuah motosikal.
 C Makanan makan tengah hari sudah disaji bila kami tiba di kem motivasi itu.
 D Liza dan Aina saling mengutus surat sejak mereka berpindah sekolah.
- 29 **I** Masih banyak orang yang belum mengetahui khasiat buah naga.
 II Rumah orang kaya di atas bukit itu sangat luas dan cantik.
 III Para pendaki itu menuruni bukit yang curam dengan berhati-hati.
 IV Sukan di antara sekolah-sekolah akan diadakan pada minggu depan.
- A** I dan III sahaja
 B II dan IV sahaja
 C III dan IV sahaja
 D II dan III sahaja
- 30 **I** Encik Hilmi akan uji pandu kereta yang hendak dibelinya.
 II Adik suka makan agar-agar berperisa jagung.
 III “Sila jemput masuk ke dalam dewan,” kata juruacara itu.
 IV Siapa-siapa pun tidak dibenarkan menghampiri bangunan itu.
- A** I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C II dan IV sahaja
 D III dan IV sahaja

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, guru-guru serta para pelajar yang dikasihi sekalian. Terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dalam majlis yang sungguh bermakna ini.

Hadirin sekalian,

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan kejayaan pasukan bola sepak sekolah kita yang menjadi juara dalam pertandingan peringkat daerah baru-baru ini. Kejayaan yang dicapai ini sungguh bermakna kepada kita semua terutamanya kepada Guru Penolong Kanan Kokurikulum yang akan bersara pada hujung tahun ini.

Kejayaan yang membanggakan ini tidak akan kita kecapai tanpa usaha yang bersungguh-sungguh serta sokongan daripada semua guru dan murid di sekolah ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada dua orang guru kita yang bertindak sebagai jurulatih dan pengurus pasukan bola sepak sekolah iaitu Cikgu Kamal dan Cikgu Rizal. Kepada semua pemain juga, diucapkan tahniah dan syabas kepada anda semua kerana mengharumkan nama sekolah dalam arena bola sepak.

Hadirin sekalian,

Apa yang lebih membanggakan saya, melalui kejohanan ini juga beberapa orang pemain dari sekolah kita telah terpilih untuk mewakili pasukan bola sepak daerah Kuala Terengganu untuk ke kejohanan peringkat negeri. Besarlah harapan saya kepada semua pemain yang terpilih itu dapat menunjukkan prestasi yang membanggakan kami semua. Saya juga berharap kejayaan yang dicapai ini menjadi sumber inspirasi kepada pasukan-pasukan yang lain untuk *menempa* kejayaan yang sama pada masa akan datang.

Akhir kata sebelum mengundur diri, saya memohon maaf sekiranya terkasar bahasa sepanjang ucapan saya tadi dan saya mendoakan kamu semua akan terus mencapai kejayaan bukan sahaja dalam bidang sukan tetapi juga dalam pelajaran.

Sekian, terima kasih.

- 31 Siapakah yang menyampaikan ucapan di atas?
- A Guru sukan
 - B Guru besar
 - C Pengurus pasukan
 - D Ketua murid
- 32 Mengapakah majlis itu diadakan?
- A Sempena temasya sukan tahunan sekolah
 - B Meraikan persaraan Guru Penolong Kanan Kokurikulum
 - C Meraikan kejayaan pasukan bola sepak sekolah mereka
 - D Berjaya mencapai kejayaan di peringkat negeri
- 33 Perkataan *menempa* dalam petikan di atas bermaksud
- A mencapai
 - B menggondol
 - C menjulang
 - D menempah
- 34 Apakah harapan penyampai ucapan kepada pelajar-pelajar di sekolah tersebut?
- A Dapat mengekalkan kejuaraan yang diperoleh
 - B Tidak mudah berputus asa sekiranya ingin berjaya
 - C Mencapai kejayaan dalam bidang sukan dan juga pelajaran
 - D Pemain yang mewakili daerah dapat menunjukkan prestasi cemerlang
- 35 Pernyataan berikut adalah benar tentang petikan di atas **kecuali**
- A Kejayaan yang diraikan adalah untuk pemain-pemain bola sepak.
 - B Mereka telah mencapai kejayaan di peringkat negeri.
 - C Peneraju utama kejayaan mereka ialah Cikgu Kamal dan Cikgu Rizal.
 - D Kejayaan yang dicapai amat membanggakan guru besar sekolah mereka.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan cerita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Keheningan malam itu mengingatkan aku kisah suka duka ketika masih di bangku sekolah rendah. Aku rindu akan kedamaian dan kemesraan rakan-rakan semasa di kampung halaman. Ke mana sahaja pergi, aku mesti bersama dengan Haris, Fitri dan Alia. Bercerita satu peristiwa yang tak mungkin aku lupakan adalah ketika kami sama-sama mandi di sungai yang begitu jernih dan dingin airnya. Apa yang menjadi kenangan kami ketika itu dimarahi oleh ibu kerana terlalu lama berada di sungai itu.

Aku yang memulakan ajakan kepada rakan-rakan yang lain.

“Haris, apa kata kita mandi di sungai petang ni,” ajakku.

“Bagus juga kalau hari panas begini, kita berenang di sungai,” balas Haris.

“Takkan kita berdua sahaja, bagaimana kita ajak Fitri dan Alia,” kata Haris lagi.

“Itu rasanya idea yang lebih bagus,” balasku.

“Baiklah, petang ni sebelum ke sungai, kita ke rumah mereka berdua,” kataku lagi.

Tiba masa yang dijanjikan, aku dan Haris ke rumah Fitri serta Alia untuk mengajak mereka bersama-sama ke sungai. Apabila tiba di sungai, Alia hanya menjadi pemerhati di tebing sungai sementara kami bertiga begitu asyik bermandi-manda sehingga hari menjelang senja. Apabila mendengar pekikan suara ibu, barulah kami bertiga bergegas pulang.

Di sekolah pula, kami berempat belajar di kelas yang sama. Biasanya apabila berada di sekolah, kami merupakan pelajar-pelajar yang disayangi oleh guru kerana kami merupakan pelajar yang berdisiplin yang agak pandai dalam pelajaran. Selepas waktu persekolahan, kami berempat juga sering mengulang kaji pelajaran di rumah salah seorang daripada kami.

Kini aku sudahpun berada di menara gading untuk meneruskan pengajianku. Aku masih teringat akan rakan-rakanku yang lain kerana kami jarang dapat berjumpa. Alia dan Haris belajar di universiti yang sama di selatan tanah air, manakala Fitri di utara tanah air dan aku sendiri di *ibu kota* yang besar dan pesat membangun ini. Jika ada kesempatan, aku tidak akan lupa untuk menghubungi mereka sekiranya kami sama-sama pulang bercuti di kampung halaman.

- 36 Apakah yang dimenungkan oleh penulis pada malam itu?
- A Teringat akan ibunya di kampung
 - B Merindui kemesraan rakan-rakan di bangku sekolah
 - C Pertemuan dengan rakan-rakan lama
 - D Rindu akan adik-adiknya di kampung
- 37 Siapakah Haris, Fitri dan Alia yang selalu diingati oleh penulis?
- A Adik beradik penulis
 - B Rakan belajar penulis di universiti
 - C Teman serumah penulis
 - D Sahabat baik penulis
- 38 Mengapakah penulis jarang berjumpa dengan rakan-rakannya?
- A Mereka sudah membawa haluan masing-masing.
 - B Mereka tidak lagi bersahabat baik
 - C Masing-masing menuntut di universiti yang berlainan.
 - D Cuti semester mereka yang berlainan masa.
- 39 *Ibu kota* yang dimaksudkan dalam petikan di atas ialah
- A Bandaraya Kuala Lumpur
 - B Bandaraya Melaka
 - C Universiti Kuala Lumpur
 - D Negara Malaysia
- 40 Sifat-sifat berikut dimiliki oleh penulis dan rakan-rakannya **kecuali**
- A rajin
 - B berdisiplin
 - C bertanggungjawab
 - D pentingkan diri

KERTAS SOALAN TAMAT